

Gerakkan ekonomi Sabah ke arah lebih baik

Syarikat negeri perlu jadi pemain utama

HISYAMUDDIN AYUB | 14 November 2015 1:33 AM



MUSA AMAN (dua, kanan) tertarik melihat replika bangunan Plaza Shell selepas merasmikan bangunan itu di Kota Kinabalu, Sabah, semalam. Turut kelihatan Iain Lo (kanan). BERNAMA

KOTA KINABALU 13 Nov. - Semua syarikat di negeri ini diminta menggiatkan aktiviti perniagaan masing-masing dan berusaha menjadi salah satu pemain utama dalam menggerakkan ekonomi Sabah ke tahap yang jauh lebih baik.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, semua perlu bersatu mengecap kejayaan hasil perkembangan baik ekonomi kerana kejayaan syarikat tempatan muncul antara pemain utama ekonomi Sabah merupakan satu kebanggaan buat kerajaan negeri.

“Saya berasa sangat gembira untuk merasmikan satu lagi mercu tanda baharu di Bandaraya Kota Kinabalu iaitu Plaza Shell yang dimiliki dan dikendalikan oleh Hap Seng Consolidated Berhad (Hap Seng).

“Malah saya juga berasa kagum melihat struktur dan reka bentuk seni bina moden di kawasan ini yang dahulunya merupakan sebuah perkampungan air dan dipenuhi dengan rumah-rumah yang dibina di atas tiang,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Plaza Shell milik Hap Seng yang menerapkan konsep bangunan hijau serta mempunyai objektif utama menjadi sebuah bangunan yang mengamalkan sistem penjimatan tenaga di tengah-tengah Bandar Raya Kota Kinabalu.

Yang hadir sama, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Raymond Tan Shu Kiah; Pengerusi Shell Malaysia, Datuk Iain Lo; Pengerusi Hap Seng, Datuk Jorgen Bornhoft serta Pengarah Hap Seng Plantations Holdings Berhad, Datuk Asrie Kadir.

Mengulas lanjut, Musa berkata, syarikat perniagaan di negeri ini harus mengikuti dan mencontohi apa yang telah ditunjukkan oleh Hap Seng dalam membantu kerajaan meningkatkan keupayaan ekonomi Sabah.

Beliau berkata, meskipun memulakan perniagaan dengan membuka sebuah kedai runcit di daerah Tawau dan kemudiannya menceburi perniagaan kayu, Hap Seng dilihat berjaya mengorak langkah jauh ke hadapan.

“Hap Seng Group of Companies adalah nama yang bukan asing lagi di Sabah. Pengasasnya, Tan Sri Lau Gek Poh dan dibantu oleh anak saudaranya, Tan Sri C.K Lau telah berjaya memajukan syarikat ini dan kejayaan seumpama ini seharusnya dicontohi oleh semua syarikat untuk melakar kejayaan yang lebih baik pada masa hadapan,” katanya.